

KOS PENGELUARAN AYAM DAN TELUR ST1, ST2 DAN ST3 2023

- ❖ Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan kerjasama Kementerian Pertanian & Keterjaminan Makanan (KPKM) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah menjalankan **Survei Kos Input Pengeluaran Ayam dan Telur 2022** bagi mengenal pasti kos pengeluaran ayam dan telur pada tahun 2022.
- ❖ **Laporan Kajian Khas Kos Pengeluaran Ayam dan Telur 2022** tersebut memaparkan analisis kos pengeluaran daging ayam dan telur di Malaysia di peringkat ladang, borong dan runcit bagi bulan rujukan September 2022.
- ❖ Rentetan itu, DOSM telah melaksanakan **Survei Kos Pengeluaran Ayam dan Telur 2023** bagi mengumpul maklumat secara siri masa berdasarkan dapatan daripada beberapa ladang ayam pedaging dan ayam penelur terpilih untuk mendapatkan kos utama pengeluaran bagi suku tahun pertama, suku tahun kedua tahun dan suku tahun ketiga 2023.
- ❖ Selain daripada kos pengeluaran ayam dan telur, *Newsletter* ini turut memaparkan purata harga bagi dua (2) komponen utama iaitu harga anak ayam (DOC) dan makanan ternakan bagi kedua-duanya.

PURATA KOS BELIAN *DAY-OLD-CHICK (DOC)*

Purata kos belian seekor anak ayam sehari (*day-old-chick, DOC*) berikut direkodkan bagi suku tahun pertama (ST1), suku tahun kedua (ST2) dan suku tahun ketiga (ST3) 2023. Hasil kajian mendapati harga kos belian DOC bagi **ayam pedaging** yang tertinggi dicatatkan pada suku tahun kedua (ST2) iaitu RM2.37 berbanding suku tahun pertama pada RM2.32. Namun, purata harga kos belian DOC menurun kepada RM2.33 pada suku tahun ketiga (ST3).

	SUKU TAHUN PERTAMA (ST1)	SUKU TAHUN KEDUA (ST2)	SUKU TAHUN KETIGA (ST3)
AYAM PEDAGING	RM 2.32	RM 2.37	RM 2.33
AYAM PENELUR	RM 4.25	RM 4.45	RM 5.03

Walau bagaimanapun, skenario yang berbeza berlaku kepada **ayam penelur**. Hasil dapatan yang diperolehi mendapati purata harga kos belian DOC mengalami peningkatan dari suku tahun pertama (ST1) sehingga suku tahun ketiga (ST3). Purata kos belian DOC ayam penelur yang terendah ialah pada suku tahun pertama (ST1) iaitu RM4.25, manakala pada suku tahun kedua (ST2) adalah RM4.45 dan mengalami peningkatan purata kos belian DOC pada suku tahun ketiga (ST3) iaitu RM5.03 per ekor.



PURATA KOS MAKANAN TERNAKAN

- Makanan ternakan merupakan komposisi terbesar dalam kos ternakan ayam dan telur. Justeru, kenaikan harga kos makanan ternakan bagi ayam pedaging dan ayam penelur juga akan mempengaruhi harga jualan ayam pedaging dan telur ayam di ketiga-tiga peringkat ladang, borong dan runcit.
- Terdapat tiga (3) jenis makanan ternakan iaitu *Starter*, *Grower* dan *Finisher* yang dikelaskan mengikut tempoh tumbesaran ayam.
- Kuantiti makanan yang diperlukan adalah berbeza mengikut tempoh tumbesaran di setiap peringkat di mana tempoh tumbesaran peringkat *Starter* adalah 0-14 hari, peringkat *Grower*, 15-30 hari dan *Finisher*, 31 hari sehingga dijual.
- Oleh itu, harga makanan bagi ketiga-tiga peringkat tumbesaran dari DOC kepada ayam pedaging dan ayam penelur adalah berbeza bergantung kepada kandungan nutrien yang diperlukan di setiap peringkat.
- Makanan ternakan dijual dalam bungkusan 50 kg. Purata kos pembelian makanan ternakan bagi ST1, ST2 dan ST3 2023 adalah seperti paparan di bawah.



AYAM PEDAGING

ST1	ST2	ST3
RM136.19	RM135.41	RM131.24
RM133.89	RM133.23	RM128.94
RM133.53	RM132.49	RM122.22
RM134.54	RM133.71	RM127.47

Starter

Grower

Finisher

Purata



AYAM PENELUR

ST1	ST2	ST3
RM127.19	RM126.82	RM121.37
RM109.28	RM108.67	RM107.28
RM111.73	RM111.01	RM110.64
RM116.07	RM115.50	RM113.10

Purata kos makanan ternakan di ladang bagi 3 tempoh tumbesaran ayam menunjukkan penurunan daripada suku tahun pertama (ST1) sehingga suku tahun ketiga (ST3) bagi kedua-dua jenis ayam pedaging dan ayam penelur. Berdasarkan jadual di atas, purata kos makanan ternakan **ayam pedaging** yang tertinggi adalah pada suku tahun pertama (ST1) iaitu pada RM134.54 diikuti RM133.71 pada suku tahun kedua (ST2) dan menurun kepada RM127.47 pada suku tahun ketiga (ST3) .

Manakala purata kos makanan ternakan **ayam penelur** pada suku tahun pertama (ST1) adalah RM116.07, RM115.50 pada suku tahun kedua (ST2) dan terendah pada suku tahun ketiga (ST3) dengan RM113.10.



- Komponen utama dalam pembuatan makanan ternakan iaitu jagung bijian diimport dari negara pengeluar utama seperti Argentina dan Brazil.
- Kebergantungan yang tinggi terhadap import bahan mentah turut mempengaruhi kos makanan ternakan berdasarkan nilai kadar tukaran mata wang asing semasa, terma dan rujukan kontrak antara syarikat pengimport dengan pembekal serta penawaran dan permintaan terhadap bekalan pada masa itu¹.
- Secara keseluruhannya, harga makanan ternakan di peringkat *Starter* adalah yang tertinggi berbanding *Grower* dan *Finisher* disebabkan keperluan kandungan nutrien yang lebih tinggi bersesuaian dengan tumbesaran ayam.

KOS PENGELUARAN AYAM DAN TELUR AYAM

AYAM (RM/kg)



ST1

RM6.69

ST2

RM6.78

ST3

RM6.60

PURATA



TELUR AYAM (RM/biji)

ST1

RM0.43

ST2

RM0.45

ST3

RM0.45

- Kos pengeluaran ayam di ladang meningkat pada suku tahun kedua (ST2) berbanding suku tahun pertama (ST1) dan menurun pada suku tahun ketiga (ST3) seiring dengan perubahan purata kos belian anak ayam dan kos makanan ternakan.
- Kos pengeluaran ayam yang **tertinggi** dicatatkan pada suku tahun kedua (ST2) pada harga RM6.78 per kg berbanding RM6.69 per kg pada suku tahun pertama (ST1).
- Kos pengeluaran ayam yang **terendah** adalah pada suku tahun ketiga (ST3) pada harga RM6.60 per kg.

- Kos pengeluaran telur ayam mengalami kenaikan dari suku tahun pertama (ST1) sehingga suku tahun kedua (ST2) dan kekal pada kos yang sama pada suku tahun ketiga (ST3).
- Purata kenaikan kos pengeluaran telur ayam pada suku tahun pertama (ST1) adalah RM0.43 per biji dan meningkat kepada RM0.45 per biji bagi suku tahun kedua (ST2) dan suku tahun ketiga (ST3).

¹ Sumber daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN)

